Standard Chartered Saadiq

| PRODUCT DISCLOSURE SHEET<br>(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out Personal Financing-i. Be sure to also read the **Personal Financing-i Standard Terms and Conditions**. Seek clarification from Standard Chartered Saadiq Berhad if you do not understand any part of this document or the Personal Financing-i Standard Terms and Conditions.) | Standard Chartered Saadiq Berhad<br><br>Name of product: Personal Financing-i<br><br>Date: |
|---|---|

**1. What is this product about?**

This is an unsecured Islamic personal financing calculated based on fixed rate financing where the Bank's profit rate will not change throughout the tenure of the Facility.

**2. What is the Syariah concept applicable?**

The Syariah concept applicable is Commodity Murabahah, whereby:

(a) Via the application form, the Customer makes an offer to purchase plastic resin ("**Commodity**") from the Bank.

(b) Upon completion of its approval process, the Bank will inform the Customer via first short message service ("**SMS**"), of the Bank's acceptance of the Customer's offer to purchase together with the sale price of the Commodity ("**Sale Price**") and the approved Facility amount.

(c) Should the Customer intends to take physical delivery of the Commodity, the Customer may make a verbal request to the Bank's call centre no later than 3.00 pm on the day the SMS notification is sent. The Customer further agrees that the cost of such delivery, if any, is to be solely borne by the Customer.

(d) The Customer may appoint the Bank as agent/wakeel for the purpose of selling the Commodity to interested buyers upon completion of the purchase of the Commodity by the Customer. The Bank will send another SMS to the customer to confirm on the agency appointment.The proceeds of this sale of the Commodity to interested buyers will be referred as the "***"Facility Amount*"**.

(e) Upon the sale of the Commodity to a third party as stated in item (d) above, the Bank will credit *Facility Amount* into the Customer's designated Standard Chartered Saadiq Savings Account-i ("**Account**") maintained with the Bank.

(f) If the Customer has not withdrawn the *Facility Amount* from the Account within the agreed cooling-off period of thirty (30) days from the date of its remittance, the Bank has the right to terminate or rescind the Facility through early settlement of the outstanding amount using the proceeds from the sale of the Commodity at no further cost to the Customer. In respect of the agreed cooling-off period, time is of the essence.

(g) The Commodity shall be purchased by the Customer on as-is-where-is basis in its present state and condition.

**3. What do I get from this product?**

- Total selling price: **RM**
- Total amount financed (Facility Amount): **RM**
- Total Profit: **RM**
- Effective Profit rate: **% p.a on a monthly rest**
- Tenure: **years**

** Please note the above amounts and rates are indicative only. The final approved amount of your facility, tenure, profit rate, and effective profit rate is subject to the Bank's approving criteria and may differ from the above.*

| 4. What are my obligations? |
|---|
| • Monthly installment: **RM**<br>The total amount you must pay, including the amount financed at the end of ***x*** years is: **RM**<br><br>** Please note the above amounts and rates are indicative only. The final approved amount of your facility, tenure, profit rate, and effective profit rate is subject to the Bank's approving criteria and may differ from the above.* |
| **5. What if I fail to fulfill my obligations?** |
| • **Compensation charges:**<br><br>**During Facility period**<br>Any default in the payment of the monthly instalments shall be subject to compensation for late payment on the arrears at a rate of 1% per annum calculated on a daily rest basis (non-compounded) or any other rate as stipulated by BNM form time to time.<br><br>**After the Financing tenure**<br>In the event of non-payment (whether principal and/or profit) upon expiry of the tenure of the Facility, the Bank reserves the right to impose the current prevailing rate based on the Islamic Interbank Money Market (IIMM) or any other rate as stipulated by BNM from time to time on the amount overdue, accruing from the due date up to the date of full settlement. Notwithstanding the above, the amount of compensation shall not be compounded.<br><br>• **Right to set-off:** We have the right to set-off any credit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this financing account.<br><br>• **Legal action:** Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. Such legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.<br><br>• **Bankruptcy:** You may be subject to bankruptcy proceedings if the outstanding amount reaches a certain limit. Repercussions of being adjudged a bankrupt will result in freezing and confiscation of your assets.<br><br>• **Review:** We retain the absolute right to review and terminate the Facility granted to you in the event there in any indication the Facility is being used for non-Syariah compliant activities or upon occurrence of any other event of defaults as agreed in the Personal Financing-i Standard Terms and Conditions.<br><br>• We have the right to outsource debt collection to an external agency and the right to sell non-performing financing (NPF) to another licensed Islamic financial institution or third parties approved by the relevant authorities. |
| **6. What if I fully settle the financing before its maturity?** |
| • Lock-in Period: There is no lock in period<br>• You must give us at least one month's written notice in advance of your intention to settle the Facility before maturity.<br>• Upon receiving your notification, we will calculate and notify you the early settlement amount payable and the latest date of payment for the amount.<br>• Any amount under the Facility which is prepaid shall not be re-disbursed or be available for subsequent financing. |

**Rebate**

- **The Bank will grant you rebate, as specified in the Personal Financing-i Standard Terms and Conditions, if any of the following events occurs:**
  (i) the Facility is settled early or redeemed by you prepaying the Bank's Sale Price;
  (ii) the Facility is settled early or redeemed through a restructuring of the Facility;
  (iii) the Facility is terminated early or cancelled because of an event of default specified in the Personal Financing-i Standard Terms and Conditions; and
  (iv) the Facility is terminated early or cancelled (not because of an event of default) before expiry of the Tenure.
- The Bank will give this rebate on the outstanding part of the Sale Price when you fully settle the Purchase Price. The rebate will be based on the formulas provided in the attached illustration.
- You acknowledge and agree that this rebate is not in the form of cash rebate payable to you, but will only be reflected as a reduction in the profit element of the Sale Price.

**7. Do I need a guarantor or collateral?**

No guarantor or collateral is required.

**8. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. Please inform us in writing.

**9. Where can I get assistance and redress?**

- If you have difficulties meeting your payment obligations, contact us early to discuss payment alternatives.
- Alternatively, you may seek the services of Credit Counselling and Debt Management Agency (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia (BNM) to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals.

| You may contact us at: | You may contact AKPK at: |
|---|---|
| Standard Chartered Bank – Collection Unit<br>Tel: 1300-13-1322<br>Fax: 03-92076648<br>Email: Malaysia.Feedback@sc.com | Tingkat 8, Maju Junction Mall<br>1001, Jalan Sultan Ismail<br>50250 Kuala Lumpur<br>Tel : 1-800-88-2575<br>E-mail : enquiry@akpk.org.my<br>Website: www.akpk.org.my or www.speaksens.com.my |

- You may also register for BNM's free "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" Programme, specially designed to equip you with essential financial knowledge and skills in money and personal debt management. You may get more information about the Programme from leaflets (available at our branches) or from AKPK's website.

- If you wish to complain on the product or services provided by us, you may either:
  - Complete the Complaints or Feedback form
  - Write to us at:
    Head, Customer Experience
    Retail Client
    Customer Experience Department
    P.O.Box 13568
    50718 Kuala Lumpur
  - Contact us at:

Tel : 1-300-888-888 or 03-7711 8888
E-mail : Malaysia.Feedback@sc.com

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:
  Block D, Bank Negara Malaysia,
  Jalan Dato'Onn,
  50480 Kuala Lumpur.
  Tel : 1-300-88-5465
  Fax : 03-21741515
  E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

**10. Other information that you may find useful**

- The Bank may, in accordance with its policies and at its discretion, approve a lower financing amount than the amount you have applied for.
- Unless you have exceptionally requested for a delayed first month payment, your instalments will commence one month after the financing amount is disbursed. Subsequent payments will fall due on the same date every month. The Bank will debit your current or savings account for the instalment amount on the due date. Please ensure that your account has sufficient funds to accommodate the payment.
- As required by law, the Bank will share your credit data with the credit bureau or other regulators.
- Your monthly instalment is calculated based on the approved facility amount over the tenure plus profit margin (collectively the "**Prescribed Rate**"), on a monthly rest basis (reducing balance). You will be notified of the amount of your monthly instalment and Prescribed Rate once your application is approved. Your monthly instalment payable is dependent on the Bank's due credit process and/or your profile or creditworthiness.
- Upon approval of the Facility, you will receive 2 SMS. First SMS is to inform you on the Bank's acceptance of your offer to purchase the commodity together with the sale price of the Commodity and the approved *Facility Amount*. The second SMS is on the appointment of the Bank as your Agent. The Bank as your agent will proceed to disburse the *Facility Amount* into your Account once the Commodity has been disposed to a 3rd party. You will also receive a Notification Letter to show the approved terms of the Facility and if you are agreeable to the terms, you must activate the Account and withdraw the amount deposited into your Account within thirty (30) days. If you do not activate and withdraw the amount within this period of time, the Facility will be cancelled and the Account will be closed. Any monies in the account will be used to settle the Facility at no additional cost and any excess amount will be returned to you.
- You are also given the option to request for the Commodity to be delivered to you should you require them. For such request, you are to contact the Bank immediately after receiving the SMS on the approval of the financing no later than 3.00pm on the same day. Following such request, you agree to bear all transportation, holding, storage, takaful coverage and other delivery costs imposed by the Commodity brokers or traders for the delivery of the Commodity to your specified premise. Please call our contact centre stated below before the stipulated time for such delivery.

**11. Other personal financing packages available**

- N/A

**IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION WILL BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR PERSONAL FINANCING.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at xxxx

Standard Chartered Saadiq

| RISALAH PENDEDAHAN PRODUK<br>(Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda mendapatkan Pembiayaan Peribadi-i. Pastikan anda juga membaca **Terma dan Syarat Standard Pembiayaan Peribadi-i**. Dapatkan penjelasan daripada Standard Chartered Saadiq Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau Terma dan Syarat Standard Pembiayaan Peribadi-i). | Standard Chartered Saadiq Berhad<br><br>Nama Produk: Pembiayaan Peribadi-i<br><br>Tarikh: |
|---|---|

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini ialah pembiayaan peribadi Islam tanpa cagar dikira berdasarkan kadar pembiayaan tetap di mana kadar untung Bank tidak akan berubah sepanjang tempoh Kemudahan.

**3. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Konsep Syariah yang digunakan ialah Murabahah Komoditi, di mana:

(a) Melalui borang permohonan, Pelanggan membuat penawaran untuk membeli resin plastik ("K**omoditi**") daripada Bank.

(b) Apabila proses kelulusannya selesai, Bank akan memaklumkan kepada pelanggan melalui servis pesanan ringkas ("**SMS**") pertama, mengenai penerimaan Bank terhadap tawaran Pelanggan untuk membeli berserta harga jualan Komoditi ("**Harga Jualan**") dan amaun Kemudahan yang diluluskan.

(c) Sekiranya Pelanggan bercadang untuk mengambil penghantaran fizikal Komoditi, Pelanggan perlu membuat permintaan lisan ke pusat panggilan Bank tidak lewat dari pukul 3.00 petang pada hari makluman SMS dihantar. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa kos penghantaran tersebut, jika ada, akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan.

(d) Pelanggan boleh melantik Bank sebagai agen/wakil untuk tujuan menjual Komoditi kepada pembeli berminat selepas Pelanggan selesai membeli Komoditi. Hasil jualan Komoditi ini kepada pembeli berminat akan dirujuk sebagai "**"Jumlah Kemudahan**". Pihak Bank akan menghantar SMS yang lain kepada pelanggan untuk memastikan perlantikan Bank sebagai wakil,

(e) Selepas Komoditi dijual kepada pihak ketiga seperti dinyatakan dalam perkara (d) di atas, Bank akan mengkredit hasil *Jumlah Kemudahan* ke dalam Akaun Simpanan-i Standard Chartered Saadiq ("Akaun") Pelanggan yang ditetapkan yang diselenggara oleh Bank.

(f) Sekiranya Pelanggan tidak mengeluarkan *Jumlah Kemudahan* dari Akaun dalam tempoh bertenang yang dipersetujui iaitu tiga puluh (30) hari dari tarikh ia dimasukkan, Bank berhak untuk menamatkan atau membatalkan Kemudahan melalui penyelesaian awal amaun tunggakan menggunakan hasil jualan Komoditi tanpa kos tambahan kepadaPelanggan. Berkenaan dengan tempoh bertenang yang dipersetujui ini, masa adalah amat penting.

(g) Komoditi akan dibeli oleh Pelanggan atas dasar seperti-sedia-ada dalam keadaan dan bentuk semasanya.

**3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?**

- Jumlah harga jualan: **RM**
- Jumlah amaun dibiaya (Jumlah Kemudahan): **RM**
- Jumlah untung: **RM**
- Kadar untung: **% setahun atas kiraan bulanan**
- Tempoh: ____**tahun**

** Sila ambil perhatian bahawa kadar dan jumlah di atas adalah cadangan sahaja. Jumlah kelulusan akhir, tempoh, kadar keuntungan dan kadar keuntungan berkesan kemudahan anda adalah tertakluk kepada kriteria kelulusan pihak Bank dan mungkin berbeza dari di atas.*

**4. Apakah obligasi saya?**

- Ansuran bulanan: **RM**
  Jumlah amaun yang perlu anda bayar, termasuk amaun dibiaya pada penghujung **tahun ke**_adalah: **RM**

** Sila ambil perhatian bahawa kadar dan jumlah di atas adalah cadangan sahaja. Jumlah kelulusan akhir, tempoh, kadar keuntungan dan kadar keuntungan berkesan kemudahan anda adalah tertakluk kepada kriteria kelulusan pihak Bank dan mungkin berbeza dari di atas.*

**5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan obligasi saya?**

- **Caj pampasan:**

**Semasa tempoh Kemudahan**

Sebarang tunggakan bayaran ansuran bulanan adalah tertakluk kepada pampasan untuk bayaran lewat atas tunggakan pada kadar 1% setahun dikira atas dasar harian (tidak dikompaun) atau sebarang kadar lain yang ditetapkan oleh BNM dari semasa ke semasa.

**Selepas tempoh Kemudahan**

Sekiranya berlaku tiada bayaran (sama ada prinsipal dan/atau untung) selepas tamat tempoh Kemudahan, Bank berhak untuk mengenakan kadar lazim semasa berdasarkan Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) atau sebarang kadar lain seperti yang ditetapkan oleh BNM dari semasa ke semasa ke atas amaun tertunggak, diakru dari tarikh perlu dibayar sehingga tarikh penjelasan pembayaran sepenuhnya. Tanpa mengambilkira perkara di atas, amaun pampasan tidak akan dikompaunkan.

- **Hak untuk penolakan-selesai**: Kami berhak untuk menolak-selesai sebarang baki kredit di dalam akaun anda yang dibuka dengan kami ke atas sebarang baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan ini.

- **Tindakan undang-undang**: Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi sebarang reaksi kepada notis peringatan. Susulan tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda sekaligus menyebabkan kredit sukar atau mahal untuk anda perolehi.

- **Kebankrapan:** Anda mungkin tertakluk kepada prosiding Kebankrapan sekiranya amaun tertunggak mencecah had tertentu. Penghakiman bankrap mengakibatkan aset anda dibekukan dan dirampas.

- **Semakan:** Kami berhak sepenuhnya untuk menyemak dan menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat indikasi bahawa Kemudahan digunakan untuk aktiviti tidak mematuhi Syariah atau berlaku sebarang bentuk keingkaran sebagaimana yang dipersetujui dalam Terma dan Syarat Standard Pembiayaan Peribadi-i.

- Kami berhak untuk menyerahkan kutipan hutang kepada agensi luar dan berhak untuk menjual pembiayaan tidak berbayar (NPF) kepada pihak kewangan Islam berlesen yang lain atau pihak ketiga yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

**6. Bagaimanakah sekiranya saya menjelaskan pembiayaan sebelum ia matang?**

- Tempoh tertutup: Tiada tempoh tertutup.
- Anda mestilah memberi notis bertulis kepada kami sekurang-kurangnya satu bulan lebih awal akan niat anda untuk menjelaskan Kemudahan sebelum tempoh matang.
- Selepas menerima makluman anda, kami akan mengira dan memaklumkan kepada anda amaun penjelasan awal yang perlu dibayar dan tarikh terkini bayaran untuk amaun tersebut.
- Sebarang amaun prabayar di bawah Kemudahan tidak akan dibayar-semula atau disediakan untuk pembiayaan seterusnya.

**Rebat**

- **Bank akan memberikan rebat kepada anda, yang akan dikira menggunakan cara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Standard Pembiayaan Peribadi-i, jika berlakunya salah satu peristiwa berikut:**
  (v) Kemudahan dijelaskan lebih awal atau ditebus oleh anda dengan membayar balik Harga Jualan Bank;
  (vi) Kemudahan dijelaskan lebih awal atau ditebus melalui penstrukturan semula Kemudahan;
  (vii) Kemudahan ditamatkan lebih awal atau dibatalkan kerana berlaku keingkaran yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Standard Pembiayaan Peribadi-i;
  (viii) Kemudahan ditamatkan lebih awal atau dibatalkan (bukan disebabkan oleh keingkaran) sebelum tamat Tempoh.
- Bank akan memberi rebat ini ke atas baki Harga Jualan apabila anda menjelaskan sepenuhnya Harga Belian. Rebat adalah berdasarkan formula yang disediakan dalam lampiran ilustrasi.
- Anda mengesahkan dan bersetuju bahawa rebat ini bukan dalam bentuk rebat tunai yang dibayar kepada anda, tetapi hanya akan dipaparkan sebagai pengurangan elemen untung Harga Jualan.

**7. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Tidak ada penjamin atau cagaran diperlukan.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Sila maklumkan kepada kami secara bertulis.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Sekiranya anda menghadapi kesulitan untuk memenuhi obligasi pembayaran anda, hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Selain itu, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu.

| Anda boleh menghubungi kami di: | Anda boleh menghubungi AKPK di: |
|---|---|
| Standard Chartered Bank – Unit Kutipan<br>Tel: 1300-13-1322<br>Faks: 03-92076648<br>Emel: Malaysia.Feedback@sc.com | Tingkat 8, Maju Junction Mall<br>1001, Jalan Sultan Ismail<br>50250 Kuala Lumpur<br>Tel : 1-800-88-2575<br>Emel : enquiry@akpk.org.my<br>Laman sesawang: www.akpk.org.my atau www.speaksens.com.my |

- Anda juga boleh mendaftar untuk Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)” anjuran BNM secara percuma, direka khusus untuk melengkapkan anda dengan pengetahuan kewangan penting dan kemahiran dalam pengurusan wang dan hutang peribadi. Maklumat tentang Program ini juga boleh didapati daripada risalah (terdapat di cawangan kami) atau daripada laman sesawang AKPK.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh:
  - Lengkapkan Borang Aduan atau Maklumbalas
  - Tulis kepada kami di:
    Ketua, Pengalaman Pelanggan
    Perbankan Pengguna
    Jabatan Pengalaman Pelanggan
    Peti Surat 13568
    50718 Kuala Lumpur
  - Hubungi kami di:

Tel : 1-300-888-888 or 03-7711 8888
Emel : Malaysia.Feedback@sc.com

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:
  Blok D, Bank Negara Malaysia,
  Jalan Dato'Onn,
  50480 Kuala Lumpur.
  Tel : 1-300-88-5465
  Faks : 03-21741515
  Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

**10. Maklumat lain yang mungkin berguna untuk anda**

- Bank boleh, selaras dengan dasar-dasarnya dan mengikut budi bicaranya, meluluskan amaun pembiayaan yang lebih rendah daripada amaun yang anda mohon.
- Kecuali anda telah memohon untuk penangguhan bayaran bulanan pertama, ansuran anda akan bermula satu bulan selepas amaun pembiayaan dikeluarkan. Bayaran seterusnya akan perlu dijelaskan pada tarikh yang sama setiap bulan. Bank akan mendebit akaun semasa atau simpanan anda untuk amaun ansuran pada tarikh ia perlu dibayar. Sila pastikan akaun anda mempunyai dana yang mencukupi untuk menjelaskan bayaran.
- Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, Bank akan berkongsi data kredit anda dengan biro kredit atau pihak berkuasa lain.
- Ansuran bulanan anda dikira berdasarkan amaun kemudahan yang diluluskan dibahagi tempoh dan dicampur margin untung (secara kolektifnya "**Kadar Tetapan**"), atas dasar kiraan bulanan (pengurangan baki). Anda akan dimaklumkan mengenai amaun ansuran bulanan anda dan Kadar Tetapan apabila permohonan anda diluluskan. Ansuran bulanan anda yang perlu dibayar bergantung kepada proses kelayakan kredit Bank dan/atau profil atau kelayakan kredit anda.
- Apabila Kemudahan diluluskan, anda akan menerima 2 SMS. SMS pertama untuk memaklumkan anda mengenai mengenai penerimaan Bank terhadap tawaran Pelanggan untuk membeli berserta harga jualan Komoditi dan amaun pembiayaan yang diluluskan. SMS kedua adalah mengenai perlantikan Bank sebagai agen/wakil anda. Bank sebagai agen/wakil anda akan meneruskan pembayaran *Jumlah Kemudahan* ke dalam Akaun anda setelah Komoditi tersebut dilupuskan kepada pihak ke-3. Anda juga akan menerima Surat Pemberitahuan untuk menunjukkan terma-terma kelulusan Kemudahan dan sekiranya anda bersetuju dengan terma-terma tersebut, anda hendaklah mengaktifkan Akaun dan mengeluarkan amaun yang didepositkan ke dalam Akaun anda dalam masa tiga puluh (30) hari. Sekiranya anda tidak mengeluarkan amaun tersebut dalam tempoh ini, Kemudahan tersebut akan dibatalkan dan Akaun akan ditutup. Semua wang di dalam akaun akan digunakan untuk menjelaskan Kemudahan tanpa sebarang kos tambahan kepada anda dan sebarang amaun lebihan akan dikembalikan kepada anda.
- Anda juga diberi pilihan untuk meminta agar Komoditi dihantar kepada anda sekiranya anda memerlukannya. Untuk permintaan sebegini, anda hendaklah menghubungi Bank serta-merta selepas menerima SMS mengenai kelulusan pembiayaan tidak lewat dari pukul 3.00 petang hari yang sama. Berikutan permintaan tersebut, anda bersetuju untuk membayar kos pengangkutan, pegangan, penyimpanan, perlindungan takaful dan kos penghantaran lain yang dikenakan oleh broker atau pedagang Komoditi untuk penghantaran Komoditi ke premis yang dinyatakan oleh anda. Sila hubungi pusat perhubungan yang dinyatakan di bawah sebelum masa yang ditetapkan untuk penghantaran.

**11. Pakej pembiayaan peribadi lain yang disediakan**

Tidak berkaitan

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat xxxx